

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/3/2013

RABU 13 MAC 2013

Pencerobohan Berdarah di Sabah

Henti bayar kerana langgar syarat - Dr. Mahathir

UM - 13/3/2013

KUALA LUMPUR 12 Mac - Bayaran penyerahan wilayah tahunan sebanyak RM5,300 kepada individu yang mendakwa sebagai keturunan Kesultanan Sulu perlu dihentikan kerana mereka telah melanggar syarat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata, pembayaran tersebut diberikan sebagai memegang perjanjian yang telah dipersetujui antara kedua-dua pihak.

"Syaratnya ialah tidak kacau kita, tetapi sekarang mereka kacau. Mereka bertindak ganas, tak cukup bunuh orang, dia cincang dan pecahkan kepala. Apa jenis manusia ini yang kata Islam.

"Sekarang kita bayar harga lama

dan tak boleh minta harga baru, lagipun bukan dia yang memajukan Sabah," katanya dalam sidang akhbar selepas Bicara Tani Dalam Konvensyen Usahawan Tani Malaysia 2013, di sini hari ini.

Konvensyen itu turut dihadiri isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar.

Semalam, Pengerusi DAP, Karpal Singh berkata, kerajaan harus segera menghentikan bayaran itu kerana keturunan kesultanan Sulu tidak mempunyai locus standi bagi menerima



bayaran berkenaan.

Menurut Dr. Mahathir, sebelum ini, kerajaan telah pun menerima orang Sulu yang tinggal di Sabah.

"Sebenarnya ada wakil rakyat juga terdiri daripada orang Sulu termasuk sekarang ini Yang di-Per-tua Sabah, jadi secara tidak langsung orang Sulu sudah menguasai Sabah," ujarnya.

Mengulas kenaikan gred gaji baru bagi tentera dan polis untuk di-setarakan dengan perkhidmatan awam lain, beliau berkata, keputusan itu merupakan penghargaan kerajaan terhadap peranan golo-

ngan itu dalam menjaga keselamatan negara.

Sementara itu, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim meminta Peguam Negara mengkaji secepat mungkin berhubung bayaran penyerahan wilayah tahunan sebanyak RM5,300 kepada pihak yang mendakwa Sultan Sulu.

Beliau berkata, ini bagi membolehkan kerajaan melihat semula dari sudut undang-undang sama ada perlu untuk segera menamatkan bayaran tersebut.

Dari sudut sejarah Sultan Sulu telah lama tamat kedaulatannya iaitu sejak 1878.

"Kerajaan harus melihat semula

dari sudut undang-undang antarabangsa, undang-undang kontrak dan undang-undang konvensional sama ada perlu kita segera tamatkan bayaran kepada pihak yang kononnya Sultan Sulu itu.

"Dari sudut pengkajian, pada 1903, kuasa Sultan Sulu telah diambil North Borneo Company. Maka, jelaslah berakhir kedaulatan mereka dan kini ada sembilan cabang keluarga diraja Sulu yang kita tidak tahu siapa sebenarnya menjadi ketua dan sultannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Merakyatkan Seni Budaya Komuniti Malaysia di Kampung Johor Lama di sini hari ini.